



## **Teologi Kultural dan Pengharapan pada Kemanusiaan**

*Temas Sidang Bacaan,*

Sehingga kini kepedulian kita pada wacana sosial diperteguhkan dengan mengafirmasi bahawa faktor agama sepentingnya diperkirakan dalam rekonstruksi masyarakat dan individu. Persoalan mencari pemaknaan agama dalam kehidupan kita ini adalah kepedulian yang melalui pasang surut. Dulu manusia bergelut-tengkar sama ada Tuhan wujud ataupun Tuhan merekalah saja yang sebenarnya Tuhan. Persoalan hari ini berlangsung dengan lainan tingkat, mahupun perkara yang diangkat belum lagi tentunya substantif. Makanya kita mendengar: ( a ) Tuhan apakah yang telah kita konsepsikan selama ini ; ( b ) apakah makna ketuhanan dalam kehidupan keagamaan kita hari ini dan ( c ) siapakah pula yang mengklaim diri mereka pula sebagai wakil pentafsiran akan Ayat-Ayat yang diwahyukan itu.

Soalnya kini kekudusan wahyu telah dipersamakan, tanpa sedar mahupun tidak, dengan kekebalan penafsiran manusia, betapapun kadang-kala ciri kekebalan ternyata berlangsung dalam penafsiran itu. Dan salah satu ciri kekebalan itu adalah keangkuhan yang tidak mahu menerima realitas konteks dan hakikat sejarah tatkala manusia menyebutkan idea dan melakukan sesuatu dalam periode waktu yang tertentu.

Inilah cabaran dalam setiap agama, kerana yang terakhir ini bergerak dalam sejarah, mengkondisi jalan sejarah serta dipengaruhi pula dengan sejarah itu sendiri. Cabaran keagamaan, bukanlah setakat kehilangan spiritualitas dan peminggiran moralitas, tetapi kepedulian etis-intelektual yang sayugianya mendasari pencarian pemaknaan agama dalam kehidupan individu dan masyarakat. Salah satu tugas keintelektualan ini adalah memastikan penafsiran agama tidak dilumpuhkan oleh keegoisan penyelamatan peribadi, ideologi pemalsuan agama guna mencapai matlamat politik dan penjenayahan-ganas, penjubahan agama dalam ragam dan licik perekonomian termaju dan terhalal, mahupun agama sebagai benteng memperkukuh golongan tertentu, yang ingin terus bermonopoli dalam sfera kepolitikan, keagamaan, keilmuan, dan kebudayaan.

Ini tentunya menyangkuti perihal Teologi, yakni persoalan manusia mencari makna dalam hidup sebagaimana yang digariskan dalam tradisi agama itu sendiri. Sepanjang sejarah keagamaan, pencarian manusia akan makna dan tujuan kehidupan ini melalui pelbagai ragam konflik dan persaingan konsepsi serta gaya pemikiran yang saling mengklaim versi sesuatu kelompok itu lebih tentunya benar daripada yang lainnya. Dalam pergelutan ini juga berlakunya proses penyempitan dan penginjakan makna dan komposisi religius: apabila ritualisme, magisme, kebatinan, kezuhudan menolak dunia dan semacamnya yang lain, merosak etis dan visi sesuatu agama itu sehinggakan partikularisme eksklusif

menyombong, sedang dalam kealiman berlagak berlaung bahawa universalisme dan kesempurnaan sudahpun terjanji dalam ragam agama mereka.

Lebih terpukul lagi apabila Teologi kian dipermudahkan menjadi set dogma yang sekadar mahu dihafal, diajar seakan formula tetap yang tidak boleh disangsikan lagi. Di tangan kependetaan yang berkepentingan, teologi dimitoskan menjadi suatu gagasan sakral yang tidak boleh dipersoal, dirujuk-rubah, disinggung isi dan sifatnya. Penerimaan massa ke atas teologi itu diperkaitkan dengan kebenaran gagasan teologi itu, bersama pula dengan kesalehan sang pengajar dan penakrif teologi itu tadi seraya membuat klaim handal sebagai pewaris profetik yang teras. Teologi semacam itu adalah sebenarnya pembelakangan agama betapapun ia mahu diimejkan sebagai kesalehan dan kebenaran yang terkudus.

Teologi bukanlah teranugerah dari langit, tapi lahir dari upaya benak manusia yang mahu memastikan ajaran agama terasas dengan pemahaman yang benar dan jelas. Makanya teologi itu bukanlah terolah untuk Tuhan, melainkan seseorang itu berimajinasi seperti fikiran pagan bahawa segalanya tentang Tuhan adalah penyembahan sesajian untuk Tuhan, di mana kegagalan sesajian beerti kemurkaan yang diikuti dengan balasan bala yang gempita. Teologi terolah untuk Manusia untuk mencari Makna dan Kebenaran yang diputuskan Tuhan agar manusia mencari, memahamkan dan mempraktis serta menyampaikannya pada yang lain. Sekiranya Teologi disakralkan sebagai dogmatisme mengafirmasi keTuhanan, sehingga memperlekeh keperluan Manusia, ianya tidak lain melainkan suatu jenis keberhalaan yang menyemangatkan penerimaan mutlak, pengikutan terbuka dan kesombongan bersaleh-salehan, tanpa ingin menyentuh kesengsaraan dan kealpaan manusia dan keimpianannya mendapatkan kebahagiaan.

Kerelevanan teologi untuk Manusia harus disejajarkan dengan kehidupan kebudayaan manusia, iaitu suatu upaya dan ikhtiar manusia menggembeling segi-segi kerohanian, keintelektualan, etika, seni dan estetika, politis, kultural guna memberi arah tuju bahawa penyempurnaan manusia adalah proses pergelutan manusia dan adalah pencarian intelek, pengalaman etis, kedalaman spiritualitas dan pengharapan visi yang mengafirmasi manusia agar teguh menyanggah ketidakmanusiaan.

Teologi kultural membumi untuk manusia dan tiada berpretensi melebihi darinya itu. Teologi kultural mengajak kita berfikir dan berikhtiar sebagai manusia dengan tugasnya yang teramanah untuk menjadi lebih manusia, di saat kebelengguan dan kebutaan yang merosak setiap segi kemanusiaan, malahan juga pengertian ketuhanan itu sendiri. Teologi kultural sayugia hanya menjanjikan KeRahmatan kita menjadi manusia untuk kemanusiaan sejagat. Harapan ini bukanlah mustahil kerana bukankah itu terafirmasi dalam kesejagatan agama kita? Tugas ini harus terpikul oleh mereka yang diamanahkan dalam persaudaraan ilmu, dan percubaan kita seadanya ini, sayugia diserukan di kalangan teman bacaan, bahwa mengorak langkah permulaan adalah permulaan pengharapan pada Kemanusiaan. Lantas inilah pengharapan yang menjanjikan.

Moga kita kian tetap bersungguh dan bertekad memahamkan kehidupan ini.

Sekian,

**Azhar Ibrahim Alwee**  
**Jun 2006, Singapura**